

**TEKS UCAPAN**  
**YAB KETUA MENTERI SABAH DATUK SERI PANGLIMA HAJI HAJIJI HAJI NOOR**  
**SEMPENA MAJLIS TILAWAH DAN MENGHAFAZ AI-QURAN PERINGKAT NEGERI**  
**SABAH, TAHUN 2021M/1442H**  
**DI DEWAN SA'ADAH,TINGKAT 2, WISMA MUIS, KOTA KINABALU**  
**5 MAC,2021M/21 REJAB 1442H**

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**[SALUTASI]**

1. Alhamdulillah, kita panjatkan syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya jua sekali lagi kita berada di majlis yang penuh keberkatan ini. Sungguhpun majlis ini kita jayakan dengan suasana norma baharu, namun kita masih berupaya melaksanakannya dengan niat mencari keredhaan Allah SWT semata-mata. Apatah lagi majlis ini adalah majlis 'ilmu menerusi penghayatan kita terhadap "*kalamullah*" yang menjadi panduan kehidupan seharian umat Islam.

Hadirin yang di dihormati sekalian,

2. Dalam memenuhi aspirasi kerajaan ke arah pembentukan umat progresif dan maju, maka budaya penyelidikan berasaskan ilmu pengetahuan, kreativiti dan inovasi perlu diperkasakan. Kitab al-Quran yang diturunkan kepada Junjungan Nabi kita sejak 1400 tahun dahulu, bukan sahaja untuk dialunkan ayat-ayatnya, bahkan harus dikaji setiap yang tersurat dan tersirat di dalamnya. Sesungguhnya Allah SWT memuji golongan ulul albab yang menggunakan akal dengan sempurna untuk berfikir, sentiasa mengkaji dan berinteraksi dengan isi kandungannya. firman Allah SWT menerusi ayat 190 surah al-anbiya yang bermaksud: "*sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi, dan pada pertukaran malam dan siang, terdapat tanda-tanda kekuasaan, kebijaksanaan dan keluasan rahmat Allah bagi orang-orang yang berakal*".
3. Adalah menjadi matlamat kita di peringkat kerajaan negeri yang terus komited menyediakan pelbagai peruntukan terutama dalam memperkasakan institusi Islam dengan prasarana yang sesuai. Perlu diingat, misi dan visi kita ini hanya akan menjadi satu impian sahaja malah tidak mampu menjadi kenyataan sekiranya kita tidak memulakan dengan diri kita sendiri untuk menguasai ilmu. Kitab suci al-Quran telah menyediakan ramuan dan formula mapan bagi ummah untuk mendepani cabaran serta rintangan pada setiap zaman.

Sidang hadirin yang dihormati sekalian,

4. Dalam memacu pembangunan di Sabah sepertimana yang kita gariskan melalui Halatuju Sabah Maju Jaya yang bakal dilancarkan dalam masa terdekat ini, kita telah menggariskan faktor modal insan sebagai asas dalam hala tuju itu yang mana terasnya adalah ilmu dan kemahiran. Ini sesuai dengan pernyataan bahawa sesiapa yang inginkan kejayaan dunia, maka hendaklah dengan ilmu, dan sesiapa yang inginkan kejayaan di akhirat maka hendaklah juga dengan ilmu, dan seterusnya sesiapa yang inginkan kejayaan di dunia dan juga di akhirat maka hendaklah dengan ilmu.

5. Selain daripada penguasaan ilmu pengetahuan, al-Quran turut menyarankan agar kita saling mengukuhkan silaturrahim sesama Islam dan mewujudkan semangat perpaduan, sayang-menyayangi, serta memupuk semangat cintakan negara. Semangat muhibah yang dijana menerusi rasa saling menghormati dan kesefahaman antara agama, kaum serta budaya selama ini perlu dipertahankan dan dipulihara bagi melestari keamanan serta keharmonian hidup sebagai satu warganegara.
6. Keamanan dan keharmonian amat penting demi kelangsungan negeri Sabah yang kita cintai. Sebab itu, masyarakat berbilang kaum di negeri ini hendaklah terus menyuburkan prinsip keharmonian. Belajarlah untuk hidup bersama, dengan memahami serta menerima kepelbagaian dan perbezaan dalam pelbagai aspek. Ini boleh dijayakan melalui pemahaman kita terhadap "*Fiqh Sabahi*" berteraskan pegangan *Ahlus Sunnah wal Jamaah* yang sedang diusahakan oleh kerajaan negeri.

Hadirin yang dikasihi sekalian,

7. Walaupun ketika ini Sabah sudah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP), tetapi kita masih menghadapi pandemik COVID-19. Dalam masa yang sama, pelbagai reaksi mahupun hujah yang tidak pasti berlegar di media sosial ataupun platform yang lain. Sedikit sebanyak, perkara ini boleh mencetuskan kegusaran dalam kalangan rakyat. Justeru, ini menuntut semua pihak supaya bijak bertindak mencari penyelesaian dan bukannya merumitkan lagi keadaan. Saya ingin menyeru kepada semua masyarakat agar kita dapat bersatu mencari pendekatan yang relevan meskipun ada pihak tertentu semakin ghairah memainkan pelbagai isu dan cuba untuk menggugat sebuah negara bangsa yang dibina hasil permuafakatan kaum di negeri ini. Sekali lagi mewakili pihak kerajaan negeri, saya ingin mengingatkan rakyat agar tidak mudah mempercayainya dan cepat terpengaruh dengan hasutan atau berita yang tidak pasti. Dalam apa keadaan sekalipun, marilah kita bertenang dan bertindak bijak menapis setiap isu atau apa saja berita yang disensasikan.
8. Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah juga kepada semua agensi yang bertungkus-lumus menjayakan majlis ini dengan mematuhi SOP yang disediakan. Semoga kita semua sentiasa dikurniakan keafiatan dan perlindungan Allah SWT dalam menjalani kehidupan seharian.

Tuan Yang Terutama Tun,

Demikian tadi ucapan saya kepada para hadirin dalam majlis ini. Sekali lagi bagi pihak kerajaan negeri Sabah, saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Tun dan Yang Berbahagia Toh Puan atas keberangkatan hadir ke Majlis Tilawah dan Menghafaz Al-Quran Peringkat Negeri Sabah pada malam ini. Kami mendoakan agar Tuan Yang Terutama Tun beserta keluarga dikurniakan kesihatan yang baik dan dilimpahkan rahmat serta sentiasa berada di bawah lindungan dan keredhaan Allah SWT.

Sekian, wabillahi taufiq walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.